



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

---

RABU, 28 FEBRUARI 2024

LAPORAN HARIAN





UKK KPWK



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

28/2/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
1	<b>NANCY SHUKRI: ALMOST RM170M OF COMPASSIONATE AID DISTRIBUTED TO DISASTER VICTIMS</b>	
	<a href="https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/02/27/nancy-shukri-almost-rm170m-of-compassionate-aid-distributed-to-disaster-victims/120225">https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/02/27/nancy-shukri-almost-rm170m-of-compassionate-aid-distributed-to-disaster-victims/120225</a>	MALAYMAIL.COM
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/651567/berita/nasional/hampir-rm170-juta-bantuan-wang-ihsan-diagih-kepada-mangsa-bencana">https://www.sinarharian.com.my/article/651567/berita/nasional/hampir-rm170-juta-bantuan-wang-ihsan-diagih-kepada-mangsa-bencana</a>	SINARHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.wilayahku.com.my/hampir-rm170-juta-bantuan-wang-ihsan-diagih-kepada-mangsa-bencana/">https://www.wilayahku.com.my/hampir-rm170-juta-bantuan-wang-ihsan-diagih-kepada-mangsa-bencana/</a>	WILAYAHKU.COM.MY
	<a href="https://thesun.my/local_news/almost-rm170-million-of-bwi-aid-distributed-to-disaster-victims-nancy-KG12144860">https://thesun.my/local_news/almost-rm170-million-of-bwi-aid-distributed-to-disaster-victims-nancy-KG12144860</a>	THESUN.MY
	<a href="https://www.tvsarawak.my/2024/02/27/parlimen-kerajaan-agih-rm168-9-juta-bantu-mangsa-terjejas-monsoon-timur-laut/">https://www.tvsarawak.my/2024/02/27/parlimen-kerajaan-agih-rm168-9-juta-bantu-mangsa-terjejas-monsoon-timur-laut/</a>	TVSARAWAK.MY
	<a href="https://www.bernama.com/en/news.php?id=2273885">https://www.bernama.com/en/news.php?id=2273885</a>	BERNAMA.COM
	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2273871">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2273871</a>	BERNAMA.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
2	<b>CLOUD SEEDING OPERATIONS TO BE HELD IN PENANG AND PERAK</b>	
	<a href="https://www.nst.com.my/news/nation/2024/02/1018355/cloud-seeding-operations-be-held-penang-and-perak">https://www.nst.com.my/news/nation/2024/02/1018355/cloud-seeding-operations-be-held-penang-and-perak</a>	NST.COM.MY
	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/02/27/two-days-of-cloud-seeding-over-dams-in-perak-and-penang">https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/02/27/two-days-of-cloud-seeding-over-dams-in-perak-and-penang</a>	THESTAR.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
3	<b>'SARAWAK WOMEN IN INNOVATION AND TECHNOLOGY' TEMA HARI WANITA SARAWAK</b>	
	<a href="https://www.tvsarawak.my/2024/02/27/sarawak-women-in-innovation-and-technology-tema-hari-wanita-sarawak/">https://www.tvsarawak.my/2024/02/27/sarawak-women-in-innovation-and-technology-tema-hari-wanita-sarawak/</a>	TVSARAWAK.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

f t i kpwkm

28/2/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
4	<b>SEPULUH KELUARGA TERJEJAS AKIBAT KEJADIAN ANGIN KENCANG TERIMA BANTUAN JKM MIRI</b>	
	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2024/02/27/sepuluh-keluarga-terjejas-akibat-kejadian-angin-kencang-terima-bantuan-jkm-miri">https://www.utusanborneo.com.my/2024/02/27/sepuluh-keluarga-terjejas-akibat-kejadian-angin-kencang-terima-bantuan-jkm-miri</a>	UTUSANBORNEO.COM.MY
	<a href="https://www.theborneopost.com/2024/02/27/welfare-dept-to-help-riam-homeowners-who-lost-roofing-during-windstorm-yesterday/">https://www.theborneopost.com/2024/02/27/welfare-dept-to-help-riam-homeowners-who-lost-roofing-during-windstorm-yesterday/</a>	THEBORNEOPOST.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
5	<b>PERKASA SI HAWA</b>	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/WM/2024/02/1064561/perkasa-si-hawa">https://www.hmetro.com.my/WM/2024/02/1064561/perkasa-si-hawa</a>	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
6	<b>PROGRAM ISM SOCIAL TALK SIRI 1/2024 "SINDROM LUPA ANAK"</b>	
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=D-g8OLF-QzY">https://www.youtube.com/watch?v=D-g8OLF-QzY</a>	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
7	<b>KERAJAAN AKUI WANITA MAINKAN PERANAN PENTING DALAM MEMACU KEMAKMURAN</b>	
	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2274166">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2274166</a>	BERNAMA.COM
	<a href="https://malaysiagazette.com/2024/02/28/pemeriksaan-wanita-peranan-penting-untuk-kesejahteraan-negara-tpm/">https://malaysiagazette.com/2024/02/28/pemeriksaan-wanita-peranan-penting-untuk-kesejahteraan-negara-tpm/</a>	MALAYSIAGAZETTE.COM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK M

UKK KPWK M



[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

28/2/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
8	<b>SUAMI ISTERI BANCUH SUSU BAYI GUNA AIR SYABU DIDAKWA ESOK</b>	
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/02/1217397/suami-isteri-bancuh-susu-bayi-guna-air-syabu-didakwa-esok">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/02/1217397/suami-isteri-bancuh-susu-bayi-guna-air-syabu-didakwa-esok</a>	BHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2024/02/27/bancuh-susu-bayi-guna-syabu-suami-isteri-didakwa-esok/">https://www.kosmo.com.my/2024/02/27/bancuh-susu-bayi-guna-syabu-suami-isteri-didakwa-esok/</a>	KOSMO.COM.MY
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pasangan-suami-isteri-bancuh-susu-bayi-dengan-air-syabu-didakwa-pada-rabu-460017?">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pasangan-suami-isteri-bancuh-susu-bayi-dengan-air-syabu-didakwa-pada-rabu-460017?</a>	ASTROAWANI.COM
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=tbSPYPyYI7A">https://www.youtube.com/watch?v=tbSPYPyYI7A</a>	YOUTUBE
	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/02/27/pasangan-silap-bancuh-susu-bayi-guna-air-syabu-didakwa-esok/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/02/27/pasangan-silap-bancuh-susu-bayi-guna-air-syabu-didakwa-esok/</a>	FREEMALYSIATODAY.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
9	<b>MSN SIASAT JURULATIH RENANG BUAT GANGGUAN SEKSUAL</b>	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/arena/lain/2024/02/1064862/msn-siasat-jurulatih-renang-buat-gangguan-seksual">https://www.hmetro.com.my/arena/lain/2024/02/1064862/msn-siasat-jurulatih-renang-buat-gangguan-seksual</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/highlight/2024/02/27/allegations-of-sexual-misconduct-under-probe-says-national-sports-council/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/highlight/2024/02/27/allegations-of-sexual-misconduct-under-probe-says-national-sports-council/</a>	FREEMALYSIATODAY.COM
	<a href="https://www.malaymail.com/news/sports/2024/02/27/national-sports-council-allegations-of-sexual-misconduct-by-coach-under-investigation/120325">https://www.malaymail.com/news/sports/2024/02/27/national-sports-council-allegations-of-sexual-misconduct-by-coach-under-investigation/120325</a>	MALAYMAIL.COM
	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/02/27/msn-siasat-dakwaan-jurulatih-terbabit-salah-laku-seksual/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/02/27/msn-siasat-dakwaan-jurulatih-terbabit-salah-laku-seksual/</a>	FREEMALYSIATODAY.COM
	<a href="https://www.buletintv3.my/sukan/msn-siasat-dakwaan-salah-laku-seksual-jurulatih-para-renang/">https://www.buletintv3.my/sukan/msn-siasat-dakwaan-salah-laku-seksual-jurulatih-para-renang/</a>	BULETINTV3.MY
	<a href="https://www.wilayahku.com.my/msn-siasat-dakwaan-salah-laku-seksual-jurulatih-para-renang/">https://www.wilayahku.com.my/msn-siasat-dakwaan-salah-laku-seksual-jurulatih-para-renang/</a>	WILAYAHKU.COM.MY
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/651654/berita/sukan/msn-tidak-kompromi-isu-salah-laku">https://www.sinarharian.com.my/article/651654/berita/sukan/msn-tidak-kompromi-isu-salah-laku</a>	SINARHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2274152">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2274152</a>	BERNAMA.COM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

28/2/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
10	<b>PEMANDU E-HAILING DIDENDA RM3,500 CABUL PENUMPANG WANITA</b>	
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/02/1217271/pemandu-e-hailing-didenda-rm3500-cabul-penumpang-wanita">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/02/1217271/pemandu-e-hailing-didenda-rm3500-cabul-penumpang-wanita</a>	BHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.utusan.com.my/berita/2024/02/pemandu-e-hailing-cabul-wanita-didenda-rm3500/">https://www.utusan.com.my/berita/2024/02/pemandu-e-hailing-cabul-wanita-didenda-rm3500/</a>	UTUSAN.COM.MY
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=_2fhfd6ATMk">https://www.youtube.com/watch?v=_2fhfd6ATMk</a>	YOUTUBE
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/651598/berita/semasa/pemandu-e-hailing-mengaku-cabul-penumpang">https://www.sinarharian.com.my/article/651598/berita/semasa/pemandu-e-hailing-mengaku-cabul-penumpang</a>	SINARHARIAN.COM.MY
	<a href="https://malaysiagazette.com/2024/02/27/pemandu-e-hailing-mengaku-cabul-penumpang-didenda-rm3500/">https://malaysiagazette.com/2024/02/27/pemandu-e-hailing-mengaku-cabul-penumpang-didenda-rm3500/</a>	MALAYSIAGAZETTE.COM
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=byZha3hAv5I">https://www.youtube.com/watch?v=byZha3hAv5I</a>	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
11	<b>BAPA TIRI DIDAKWA ROGOL, CABUL, LIWAT ANAK</b>	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/02/1064739/bapa-tiri-didakwa-rogol-cabul-liwat-anak">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/02/1064739/bapa-tiri-didakwa-rogol-cabul-liwat-anak</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/02/1217192/bapa-didakwa-rogol-liwat-dan-cabul-anak-tiri">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/02/1217192/bapa-didakwa-rogol-liwat-dan-cabul-anak-tiri</a>	BHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=gF-M-NjKkso">https://www.youtube.com/watch?v=gF-M-NjKkso</a>	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
12	<b>JURUKIMPAL TAK MENGAKU PEGANG PAHA PEKERJA</b>	
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/651592/berita/semasa/jurukimpal-tak-mengaku-pegang-paha-pekerja">https://www.sinarharian.com.my/article/651592/berita/semasa/jurukimpal-tak-mengaku-pegang-paha-pekerja</a>	SINARHARIAN.COM.MY
	<a href="https://malaysiagazette.com/2024/02/27/majikan-didakwa-pegang-peha-pekerja/">https://malaysiagazette.com/2024/02/27/majikan-didakwa-pegang-peha-pekerja/</a>	MALAYSIAGAZETTE.COM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

28/2/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
13	<b>KES ROGOL BABITKAN REMAJA BAWAH UMUR 16 TAHUN MENINGKAT - POLIS</b>	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/02/1064773/kes-rogol-babitkan-remaja-bawah-umur-16-tahun-meningkat-polis">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/02/1064773/kes-rogol-babitkan-remaja-bawah-umur-16-tahun-meningkat-polis</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2024/02/27/bukit-aman-concerned-about-increase-in-statutory-rape-cases/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2024/02/27/bukit-aman-concerned-about-increase-in-statutory-rape-cases/</a>	FREEMALAYSIATODAY.COM
	<a href="https://bernama.com/en/crime_courts/news.php?id=2273931">https://bernama.com/en/crime_courts/news.php?id=2273931</a>	BERNAMA.COM
	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/02/27/police-concerned-over-increasing-incidence-of-statutory-rape">https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/02/27/police-concerned-over-increasing-incidence-of-statutory-rape</a>	THESTAR.COM.MY
	<a href="https://www.tvsarawak.my/2024/02/27/kes-rogol-babitkan-remaja-meningkat/">https://www.tvsarawak.my/2024/02/27/kes-rogol-babitkan-remaja-meningkat/</a>	TVSARAWAK.MY
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/651581/berita/semasa/kes-rogol-babitkan-remaja-meningkat--polis">https://www.sinarharian.com.my/article/651581/berita/semasa/kes-rogol-babitkan-remaja-meningkat--polis</a>	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
14	<b>EX-LORRY ATTENDANT WHO RAPED, SODOMISED, MURDERED ELDERLY WOMAN TO HANG</b>	
	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2024/02/27/ex-lorry-attendant-who-raped-sodomised-murdered-elderly-woman-to-hang/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2024/02/27/ex-lorry-attendant-who-raped-sodomised-murdered-elderly-woman-to-hang/</a>	FREEMALAYSIATODAY.COM
	<a href="https://www.malaysiakini.com/news/697484">https://www.malaysiakini.com/news/697484</a>	MALAYSIAKINI.COM
	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/02/27/bek-as-kelindan-rogol-liwat-bunuh-warga-emas-kekal-dihukum-gantung/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/02/27/bek-as-kelindan-rogol-liwat-bunuh-warga-emas-kekal-dihukum-gantung/</a>	FREEMALAYSIATODAY.COM
	<a href="https://malaysiagazette.com/2024/02/27/hukuman-mati-kelindan-rogol-bunuh-warga-emas-kekal/">https://malaysiagazette.com/2024/02/27/hukuman-mati-kelindan-rogol-bunuh-warga-emas-kekal/</a>	MALAYSIAGAZETTE.COM
	<a href="https://makkalosai.com.my/2024/02/27/rogol-liwat-bunuh-warga-emas-hukuman-gantung-k-sathiaraj-dikekal/">https://makkalosai.com.my/2024/02/27/rogol-liwat-bunuh-warga-emas-hukuman-gantung-k-sathiaraj-dikekal/</a>	MAKKALOSAI.COM.MY
	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/02/27/court-of-appeal-upholds-death-sentence-for-man-convicted-of-rape-sodomy-murder-of-85-year-old-woman">https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/02/27/court-of-appeal-upholds-death-sentence-for-man-convicted-of-rape-sodomy-murder-of-85-year-old-woman</a>	THESTAR.COM.MY



## Nancy Shukri: Almost RM170m of compassionate aid distributed to disaster victims



Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri says almost RM170 million in compassionate aid (BWI) has been distributed to 168,959 heads of households (KIR) affected by the 2022/2023 Northeast Monsoon season. — Bernama pic

*Tuesday, 27 Feb 2024 1:30 PM MYT*

KUALA LUMPUR, Feb 27 — Almost RM170 million in compassionate aid (BWI) has been distributed to 168,959 heads of households (KIR) affected by the 2022/2023 Northeast Monsoon season, the Dewan Rakyat was told today.

Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri said that RM560,000 BWI death assistance was also distributed to 56 next of kin of disaster victims.


She said that, as for the 2023/2024 MTL season, it has not yet ended, but the federal government, through the National Disaster Management Agency (NADMA), has channelled the initial allocation of disaster aid to all states, amounting to RM232 million, to speed up the distribution process of BWI to affected KIR who meet eligibility requirements set.

“This is not a form of compensation for the losses suffered by disaster victims, but it is more a sign of the federal government’s concern to ease the burden of disaster victims,” she said.

She was replying to a question from Datuk Siti Zailah Mohd Yusoff (PN-Rantau Panjang), regarding the aid policy for flood victims, as well as the amount of compensation including compassionate assistance, during a question and answer session in the Dewan Rakyat today.

Nancy said that, in addition to the federal government’s assistance, the state governments can identify other assistance to contribute through state-level agencies, such as zakat boards and corporate bodies, to help ease the burden of disaster victims.

In addition, she said that to strengthen the preparedness level to deal with the impact of hot and dry weather during the monsoon transition, which is expected to continue until the end of March, the government has agreed to carry out the cloud seeding operations (OPA), to ensure sufficient water resources in the water catchment areas throughout the period. — Bernama



## Cloud seeding operations to be held in Penang and Perak

By Hana Naz Harun, Qistina Sallehuddin - February 27, 2024 @ 2:27pm



Cloud seeding operations will be held in Perak and Penang. -NSTP/ZULIATY ZULKIFFLI

KUALA LUMPUR: Cloud seeding operations will be conducted in Penang and Perak today and tomorrow.

Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri told the Dewan Rakyat today here that these would be done over dams and other surrounding areas in the state, including the Air Itam and Teluk Bahang dams in Penang, and the Bukit Merah dam in Perak.

She said this was part of the government's early efforts to address the receding water levels in the dam, due to the dry spell.

"Cloud seeding operations will be done to ensure sufficient water supply in rain catchment areas during the hot and dry season.

"The water level at Teluk Bahang dam is at 80 per cent, and 37 per cent in the Air Itam dam, while the Bukit Merah dam has a water level of 80 per cent."


Nancy said the success of operations was dependent on factors such as high humidity, the presence of cumulus clouds, and low wind speed.

"State governments that intend to carry out cloud seeding operations can propose them to the National Disaster Management Agency," added the Santubong member of Parliament.

She said this in response to Datuk Mohd Isam Mohd Isa (Barisan Nasional-Tampin), who had asked about the government's preparations for the hot spell.

The Meteorological Department, on Saturday, had issued [alert-level hot weather](#) status in several areas nationwide. at 12 locations in four states.

The department said Perlis, Kedah, Perak and Sabah could log temperatures as high as 35°C to 37°C.



Dato Sri Fatimah Abdullah berkata Sambutan Hari Wanita 2024 Peringkat Negeri Sarawak bakal diadakan pada 4 Mei di Sibu. Foto fail TVS

## 'Sarawak Women in Innovation and Technology' tema Hari Wanita Sarawak

By TVS #bm, Berita Sarawak February 27, 2024

SIBU, 27 Feb: Bertemakan *Sarawak Women in Innovation and Technology*, Sambutan Hari Wanita 2024 Peringkat Negeri Sarawak bakal diadakan pada 4 Mei ini di Dewan Canselor Tun Abdul Taib Mahmud, Universiti Teknologi Sarawak (UTS), Sibu.

Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-kanak dan Kesejahteraan Komuniti, Dato Sri Fatimah Abdullah berkata menerusi tema ini, penganjurannya akan mempamerkan sumbangan wanita dalam bidang inovasi dan teknologi.


"Kita juga hendak berkongsi dengan hadirin tentang apa yang sedang berlaku di Sarawak khususnya dalam bidang inovasi and teknologi.

"Pada masa yang sama, kita hendak tunjukkan perkhidmatan yang diberikan oleh agensi dan jabatan," katanya semasa sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Induk Sambutan Hari Wanita 2024 di sini, hari ini.

Sambutan tersebut dijangka dihadiri Premier Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg serta isteri, Datuk Amar Juma'ani Tun Tuanku Bujang.

Sebuah buku terbitan Jabatan Wanita Keluarga Sarawak (JWKS) akan dilancarkan dengan tajuk 'Sarawak Women in Innovation and Technology' pada hari berkenaan.

Jelasnya lagi, enam anugerah akan disampaikan pada sambutan kali ini iaitu Anugerah Datuk Patinggi Laila Taib, Anugerah Premier Sarawak Kepimpinan Wanita, Anugerah Premier Sarawak Keusahawanan Wanita, Anugerah Premier Sarawak Penggiat Sosial Wanita, Anugerah Premier Sarawak Pencapaian Khas dan Anugerah Premier Sarawak NGO Cemerlang. – TVS



## Sepuluh keluarga terjejas akibat kejadian angin kencang terima bantuan JKM Miri

© 2024-02-27T14:38:13+08:00



Lee (tiga kanan) meneliti maklumat mangsa yang direkodkan oleh pegawai JKM Miri semasa lawatan pagi tadi.

MIRI: Sebanyak 10 keluarga di Happy Garden, Riam di sini yang terjejas akibat kejadian angin kencang berlaku pada petang kelmarin menerima bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Miri hari ini.

Menteri Pengangkutan Sarawak Dato Sri Lee Kim Shin berkata mangsa terlibat akan diberi bantuan segera dalam bentuk wang tunai untuk mereka membeli bahan binaan bagi tujuan membaik pulih rumah masing-masing.

"Semasa kejadian, saya tiada di sini dan apabila datang ke sini pagi ini, saya dapati beberapa buah rumah mengalami kerosakan di mana bumbung 10 buah rumah di kawasan Happy Garden di sini tercabut dan diterbangkan angin.

"Saya memaklumkan kepada JKM Miri untuk melakukan semakan dan mengumpul maklumat mangsa terjejas," katanya ketika ditemui selepas melawat mangsa di sini hari ini.

Lee berkata, JKM Miri berhubung dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Zon 6 Miri untuk menilai kerosakan dialami dan seterusnya menentukan kos membaik pulih.

Turut mengiringi Lee dalam lawatan itu ialah Kaunselor Jeffery Phang.

Dalam kejadian berlaku sekitar jam 2 petang itu, angin kencang dan hujan lebat yang melanda kurang 10 minit menerbangkan bumbung 10 rumah di taman perumahan terbabit.

Sementara itu, seorang penduduk yang sempat ditemui, Tinggang Manda, 63, semasa berkata kejadian dia baru hendak makan apabila terdengar bunyi bising tatkala angin kencang dan hujan lebat melanda.

"Ketika kejadian, saya baru hendak makan apabila terdengar bunyi bising dan apabila melihat ke luar rumah, saya nampak atap rumah berterbangan dan jatuh ke jalan.

"Saya menjadi cemas kerana ketika itu saya bersendirian sementara anak dan menantu keluar membeli sayur dan semasa masuk semula ke rumah mendapati bilik tidur saya basah akibat bumbung tercabut dan terbang," jelasnya.



## Perkasa si hawa

Muhammad Saufi Hassan  
sautf@mediaprima.com.my



PELBAGAI usaha dan strategi dilaksanakan di pelbagai peringkat bagi memperkasa wanita.

PERANAN penting wanita sering diperkatakan, malah sumbangan golongan berkenaan tidak pernah ketinggalan baik daripada aspek polisi kerajaan sehingga kepada bentuk bantuan.

Selepas berdekad lamanya, wanita di negara ini tidak pernah ketinggalan ataupun 'terluput' dalam polisi kerajaan, malah peranan serta sumbangan sentiasa diiktiraf.

Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2020-2025 (RMK-12) memberi penekanan terhadap memperkasakan peranan wanita bagi membolehkan mereka bersama-sama menyumbang secara berkeson untuk pembangunan negara.

Buktinya, pemerksaan wanita terus dikukuhkan dengan pengenalan kepada Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) dengan inisiatif untuk menggalakkan keseksamaan gender serta memperkukuhkan perundangan.


### Disyorkan

Agenda keseksamaan jantina menjadi antara objektif yang digariskan dalam Matlamat Pembangunan Mampian 2030 anjuran Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Dalam banyak hal di negara ini, kaum hawa masih dipandang secara daripada kaca mata tradisional meskipun zaman sudah berubah dan bergerak cukup pantas, salah satu petunjuknya terlihat pada kadar penyertaan mereka dalam tenaga buruh negara.

Pada 2020, peratusannya berada pada angka 55.3 peratus, menyaksikan peningkatan daripada tahun sebelumnya dan semakin meningkat untuk tahun-tahun kemudian, tetapi hanya naik 0.5 peratus kepada 55.8 peratus pada 2022.

Sasaran 60 peratus kadar penyertaan wanita dalam tenaga buruh dalam tempoh 10 tahun yang digariskan dalam Dasar Ekonomi Madani diumumkan pada Julai tahun lalu secara jelas menyatakan komitmen Malaysia menahut seruan PBB itu.



SUMBANGAN wanita tidak pernah ketinggalan baik daripada aspek polisi kerajaan sehingga kepada bentuk bantuan.

Belanjawan 2023 yang dibentangkan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim melonjakkan pemerksaan wanita melalui inisiatif seperti peruntukan Geran Penjagaan Kanak-Kanak kepada Wanita Kembali Bekerja, memudah cara garis panduan untuk pusat jagaan kanak-kanak dan penyediaan subsidi yuran taska serta pembinaan 80 taska dan tabika Kemas termasuk 13 projek baharu.

Sehubungan itu, pelbagai usaha dan strategi dilaksanakan di pelbagai peringkat bagi memperkasa wanita.

Tahun ini juga, JPW akan melaksanakan program membabitkan pemerksaan wanita yang merangkumi empat aspek iaitu Wanita dan Ekonomi, Wanita Selamat, Wanita Sejahtera serta Wanita dan Kepimpinan.

Menyentuh aspek kadar penyertaan tenaga buruh di negara ini dilihat meningkat dengan ketara dalam beberapa tahun kebelakangan ini iaitu daripada 46.8 peratus pada 2010 kepada 68.6 peratus pada 2021.




USAHA lebih menyeluruh perlu diteruskan supaya wanita tidak terus ketinggalan dalam segala aspek.

Bagaimanapun, jurang antara kadar penyertaan tenaga buruh lelaki dan wanita masih besar apabila 80.9 peratus untuk lelaki dan hanya 55.5 peratus wanita pada 2021.

Berdasarkan satu laporan, Ketua Ekonomi Buruh Kementerian Sumber Manusia dan Emiratisasi, Emiriah Arab Bersatu (UAE) Dr Mohd Yusof Saari dipetik berkata, angka itu masih kekal rendah dengan tahap pembangunan Malaysia jika dibandingkan dengan negara lain di Asia Tenggara.

"Ini sebahagiannya disebabkan oleh 56.9 peratus wanita dengan pendidikan menengah berada di luar tenaga buruh.

"Berdasarkan data Tenaga Buruh, 63.2 peratus menyatakan kerja rumah dan tanggungjawab keluarga sebagai sebab wanita tidak mengambil bahagian dalam tenaga buruh," katanya.




RMK-12 memberi penekanan terhadap memperkasakan peranan wanita.

Mengikut perangkaan pada 2021, kadar penyertaan tenaga buruh wanita mengikut pendidikan tinggi merekodkan 64.1 peratus, pendidikan menengah (52.2 peratus) dan rendah (43.6 peratus).

Untuk tujuan itu, usaha lebih menyeluruh perlu diteruskan supaya wanita tidak terus ketinggalan dalam segala aspek khususnya penyertaan bidang strategik di negara ini.

Disiarkan pada: Februari 27, 2024 @ 6:20am



## KERAJAAN AKUI WANITA MAINKAN PERANAN PENTING DALAM MEMACU KEMAKMURAN



Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi

28/02/2024 12:25 AM

KUALA LUMPUR, 27 Feb (Bernama) -- Kerajaan mengakui bahawa pemerksaan wanita memainkan peranan penting dalam memacu kemakmuran negara secara keseluruhan.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata di bawah kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, kerajaan komited meletakkan kepentingan pemerksaan wanita dan kemajuan rakyat menerusi konsep Malaysia MADANI.

Beliau berkata konsep Malaysia MADANI mewakili gandingan unik amalan tradisional Malaysia dan pendekatan inovatif untuk menangani isu yang muncul dan ketidakpastian, diasaskan daripada prinsip menerima perubahan, mengambil maklum balas dari semua segmen masyarakat dalam memacu perubahan substantif untuk Malaysia yang lebih maju dan makmur.

"Di Malaysia, kami melakukan langkah penting dalam memperjuangkan hak wanita dan kesamaan jantina. Kami telah melaksanakan dasar untuk meningkatkan penyertaan wanita dalam tenaga kerja, meningkatkan akses kepada pendidikan dan penjagaan kesihatan serta melindungi wanita daripada keganasan dan diskriminasi.

Apabila wanita diperkasakan, mereka bukan sahaja mengubah kehidupan sendiri tetapi kehidupan orang di sekeliling mereka, membuat kesan riak yang memanfaatkan seluruh komuniti dan negara," kata beliau dalam ucapannya pada majlis prapelancongan Sidang Kemuncak Wanita Muslim Dunia 2024, di sini malam ini.

Sebagai memberi laluan kepada Sidang Kemuncak Wanita Muslim Dunia 2024, yang dijadualkan pada Jun tahun ini, prapelancongan malam ini turut dihadiri Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Dr Noraini Ahmad dan Ketua Pengarah Pusat Islam untuk Pembangunan Perdagangan Latifa El Bouabdellaoui.


Ahmad Zahid yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah berkata Islam menekankan kepentingan pendidikan untuk kedua-dua jantina, adalah penting untuk semua pihak membuka akses kepada pendidikan berkualiti dan pembangunan kemahiran untuk wanita Muslim dan memastikan mereka mempunyai akses sama rata kepada pendidikan pada usia muda.

Dengan menggalakkan lelaki dan wanita melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi dan mempromosikan peluang pembelajaran sepanjang hayat, Ahmad Zahid berkata ini akan melengkapkan mereka dengan pengetahuan dan kemahiran diperlukan untuk cemerlang dalam pelbagai bidang.

Dengan menangani bidang ini dan melaksanakan strategi komprehensif, saya percaya Malaysia dan lain-lain negara Islam boleh mewujudkan satu persekitaran yang mana wanita Muslim mempunyai peluang dan sokongan diperlukan untuk mengatasi halangan, mencapai potensi mereka dan menyumbang kepada pembangunan dan kemajuan negara.

Bersama-sama, kita boleh meningkatkan kehidupan, menyokong dan memperkasakan wanita bukan hanya dalam masyarakat kita tetapi merentas tapestri dunia Islam yang pelbagai," katanya.

Beliau juga menggesa peserta sidang kemuncak ini untuk merebut peluang melantangkan suara wanita, memperjuangkan hak mereka dan bekerjasama ke arah satu masa hadapan yang setiap wanita boleh berkembang maju dan memberi impak kepada dunia.



## Suami isteri bancuh susu bayi guna air syabu didakwa esok

Oleh Nurul Hidayah Bahaudin - Februari 27, 2024 @ 8:07pm  
nurul.hidayah@hmetro.com.my



PETALING JAYA: Suami isteri yang ditahan selepas dikatakan tersilap membancuh susu bayi mereka dengan air syabu di sebuah flat dekat Taman Medan di sini pada 19 Februari lalu, akan didakwa di mahkamah esok.

Ketua Polis Daerah Petaling Jaya, Asisten Komisioner Shahrulnizam Jaafar@Ismail, berkata kedua-dua suspek masing-masing berusia 34 dan 40 tahun itu akan dituduh di Mahkamah Sesyen, di sini, kira-kira jam 9 pagi esok.


"Mereka akan didakwa mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-kanak 2001," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Sebelum ini, media melaporkan suami isteri 'lalok' ditahan selepas tersilap membancuh susu bayi mereka dengan air syabu di sebuah flat di Taman Medan, di sini, pada 19 Februari lalu.

Shahrulnizam dipetik berkata, bayi lelaki berusia setahun empat bulan itu dihantar suami isteri berkenaan kepada neneknya berusia 55 tahun yang tinggal di Seri Kembangan pada hari kejadian.

Menurutnya, semasa dalam jagaan neneknya, mangsa tidak berhenti menangis, terlalu aktif dan sukar dikawal sebelum dia bertanyakan mengenai perkara itu kepada ibu mangsa.

Katanya, ibu mangsa kemudian mengaku tersilap membancuh susu bayi berkenaan menggunakan air syabu milik suaminya.



## MSN siasat jurulatih renang buat gangguan seksual

Amirul Fazli Zulkafli  
sukan@hmetro.com.my



MSN memohon kerjasama pihak media dan masyarakat umum supaya tidak mencetuskan spekulasi. FOTO NSTP

Kuala Lumpur: Majlis Sukan Negara (MSN) akan mengambil tindakan tegas kepada mana-mana jurulatih sekiranya didapati melakukan salah laku dalam program latihan MSN dan penamatan kontrak akan dilakukan serta merta.

Melalui satu kenyataan rasmi dari MSN hari ini, Jawatankuasa Salah Laku Dalam Sukan sedang menjalankan penyiasatan atas dakwaan salah laku terhadap seorang jurulatih renang apabila dikatakan terbabit dalam gangguan seksual terhadap atlet di bawah jagaan beliau sebagaimana dilaporkan sebuah media sebelum ini.

"MSN tidak pernah berkompromi dan melindungi mana-mana atlet mahupun pegawai yang terbabit salah laku sedemikian.

"Dakwaan salah laku itu diterima MSN pada minggu lalu dan Jawatankuasa memulakan siasatan dengan segera, termasuk menemubual pihak-pihak berkaitan.


"Kerjasama penuh juga diberikan kepada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang membuka kertas siasatan, termasuk mencari cara tindakan yang mesra dan melindungi privasi atlet terbabit," kata MSN.

Selain itu, MSN memohon kerjasama pihak media dan masyarakat umum supaya tidak mencetuskan spekulasi mahupun menyebarkan maklumat tidak tepat bagi menjaga kebajikan atlet selain mengelak daripada persepsi negatif yang mampu menjejaskan proses siasatan.

"Perlu ditegaskan bahawa MSN tidak pernah menerima laporan ataupun aduan daripada mana-mana atlet para mengenai salah laku seksual oleh jurulatih sebelum aduan terbaharu ini dan dakwaan bahawa MSN cuba menutup atau tidak mengendahkan laporan yang pernah dibuat adalah tidak berasas sama sekali.

"MSN menjulang dan menguatkuasakan semua peraturan dalam Kod Sukan Selamat dan sentiasa berusaha mewujudkan persekitaran selamat kepada semua atlet yang mengikuti program latihan kendalian MSN," katanya.

MSN akan mengambil langkah komprehensif untuk menjaga keselamatan dan kebajikan atlet-atlet para di bawah Program MSN turut dititik beratkan, termasuk mewajibkan pegawai pengiring untuk atlet-atlet yang bertanding di pelbagai kejohanan di luar negara bermula tahun lalu.



## Pemandu e-hailing didenda RM3,500 cabul penumpang wanita

Oleh Meor Riduwan Meor Ahmad - Februari 27, 2024 @ 3:49pm

bhnews@bh.com.my



Muhammad Syahmi Iman Muhazam didenda RM3,500 kerana mencabul penumpang wanita di dalam kereta - Foto NSTP/Meor Riduwan Meor Ahmad.

MELAKA: Pemandu perkhidmatan e-hailing didenda RM3,500 oleh Mahkamah Majistret Ayer Keroh, hari ini, atas kesalahan mencabul penumpang wanita awal bulan ini.

Hukuman diputuskan Majistret Nabilah Nizam selepas menerima pengakuan salah tertuduh, Muhammad Syahmi Iman Muhazam, 20, dan mensabitkannya seperti pertuduhan.

Berdasarkan pertuduhan, Muhammad Syahmi didakwa menggunakan kekerasan jenayah terhadap seorang gadis berusia 22 tahun dengan niat hendak mencabul kehormatannya.

Kesalahan itu dilakukan ketika berada di atas jalan hadapan balai bomba di Lebuh Alor Gajah - Melaka Tengah-Jasin (AMJ) dekat Taman Cheng Perdana 5 Februari lalu, jam 10.21 pagi.

Pertuduhan adalah mengikut Seksyen 354 Kanun Keseksaan, memperuntukkan hukuman penjara boleh sampai 10 tahun atau denda atau sebat atau mana-mana dua daripada hukuman itu.

Timbalan Pendakwa Raya, Fiqri Hakim Zamri dalam hujahnya memohon hukuman setimpal dikenakan sebagai pengajaran kepada tertuduh.

Peguam Mohd Hasryzal Badasary bagaimanapun merayu hukuman ringan atas alasan itu kesalahan pertama anak guamnya yang masih bujang dan sudah insaf.

Selepas menimbang hujah kedua-dua pihak, Nabilah mengenakan hukuman denda RM3,500 terhadap tertuduh atau enam bulan penjara jika gagal bayar.

## Bapa tiri didakwa rogol, cabul, liwat anak

Alias Abd Rani  
am@metro.com.my



Muar: Seorang lelaki didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, hari ini atas pertuduhan merogol, meliwat dan mencabul anak tirinya, tahun lalu.

Tertuduh berusia 59 tahun yang berhadapan tiga pertuduhan, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibaca jurubahasa di hadapan Hakim Irwan Sualinbon.

Mengikut pertuduhan pertama, dia yang bekerja sendiri didakwa merogol anak tirinya berusia 15 tahun di rumah nenek mangsa di Bukit Kepong, dekat sini pada jam 4.30 pagi, 15 November tahun lalu.

Bagi kesalahan ini, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 376 (3) Kanun Keseksaan dan boleh dihukum mengikut akta sama dengan hukumannya adalah dipenjarakan tidak melebihi 20 tahun dan juga tidak kurang 10 kali sebatan.

Pertuduhan kedua pula, dia didakwa mengikut Seksyen 377C kanun sama kerana meliwat anak tirinya dan boleh dipenjarakan sehingga 20 tahun dan juga sebatan.

Manakala pertuduhan ketiga, tertuduh didakwa melakukan amang seksual fizikal terhadap mangsa sama.



Tertuduh dibawa keluar dari Mahkamah Sesyen atas kesalahan merogol, meliwat dan mencabul anak tirinya, tahun lalu. FOTO Alias Abd Rani

Untuk itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 14 dan dibaca bersama Seksyen 16 akta sama.

Seksyen 14 memperuntukkan hukuman penjara tidak melebihi 20 tahun dan juga sebatan manakala Seksyen 16, penjara tidak melebihi tujuh tahun dan sebatan tidak kurang dua kali dengan ketiga-tiga kejadian dan masa berlaku di tempat sama.


Berdasarkan laporan polis, tertuduh didakwa menghilangkan diri empat bulan selepas melakukan perbuatan teruk terhadap anak tirinya.

Walaupun pelbagai usaha dilakukan, tertuduh gagal dikesan sebelum polis berjaya menahannya di rumah saudaranya di Kesang, Tangkak, pada jam 11 malam Rabu lalu.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Nur Sulehan Abd Rahman manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Terdahulu Nur Sulehan memberitahu mahkamah pihaknya tidak menawarkan jaminan terhadap tertuduh kerana enggan bekerja sama sepanjang siasatan dijalankan.

Mahkamah kemudian membenarkan permohonan pihak pendakwaan sebelum tertuduh dihantar ke Pusat Koreksional Muar sementara menunggu sebutan semula kes pada 27 Mac ini serta serahan dokumen dan juga lantikan peguam.



## Jurukimpal tak mengaku pegang paha pekerja

Oleh NOR FARHANA YAACOB [Follow](#) 27 Februari 2024 01:42pm Masa membaca: 4 minit



Mohamad Redwan (tengah) didakwa di mahkamah Sesyen di sini, pada Selasa kerana melakukan amang seksual fizikal terhadap pekerjaanya.

MELAKA - [DIKEMAS KINI] Seorang majikan didakwa di Mahkamah Sesyen di sini pada Selasa atas pertuduhan melakukan amang seksual fizikal dengan memegang paha pekerjaanya.

Mohamad Redwan Sabri, 31, bagaimanapun membuat pengakuan tidak bersalah setelah pertuduhan terhadapnya dibacakan di hadapan Hakim Azaraorni Abd Rahman.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa dengan sengaja melakukan amang seksual fizikal terhadap seorang remaja perempuan berusia 17 tahun 1 bulan sewaktu kejadian dengan cara memegang paha kanan mangsa.

Perbuatan tersebut didakwa dilakukan dalam sebuah kereta jenis Isuzu Trooper di Jalan Solok Fajar, Bukit Nibong, Paya Dalam di sini, kira-kira jam 12.30 malam pada 14 Februari lalu.

Kesalahan didakwa dilakukan di bawah Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan sebat, jika sabit kesalahan.


Timbalan Pendakwa Raya Rashidah Baharom mencadangkan jaminan RM30,000 dengan syarat tambahan tertuduh tidak boleh mengganggu mangsa yang juga pekerjaanya sehingga kes selesai.

Tertuduh yang diwakili Peguam, Sharveen Letchumanan memohon jaminan rendah kerana anak guamnya hanya bekerja sendiri sebagai jurukimpal dengan pendapatan sekitar RM1,500 sebulan.

Selain itu tertuduh juga menyara lima anak yang masih kecil serta menjaga bapanya yang sakit.

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin RM12,000 dan dikenakan syarat tambahan perlu melapor diri sebulan sekali di balai polis.

Mahkamah juga menetapkan tarikh sebutan semula kepada pada 1 April depan.



## Kes rogol babitkan remaja bawah umur 16 tahun meningkat - Polis

BERNAMA



Mohd Shuhaily Mohd Zain

Kuala Lumpur: Jumlah kes rogol dalam kalangan remaja bawah umur 16 tahun yang meningkat sejak kebelakangan semakin membimbangkan, kata Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman Datuk Seri Mohd Shuhaily Mohd Zain.

Beliau berkata, walaupun atas dasar persetujuan bersama, namun perbuatan yang dalam istilah undang-undang dirujuk sebagai 'statutory rape' itu, tetap diklasifikasikan sebagai kes rogol kerana membabitkan pelaku bawah umur.

"Mengikut rekod Polis Diraja Malaysia (PDRM), terdapat peningkatan 202 kes iaitu 11.8 peratus tahun lalu berbanding pada tahun 2022," katanya dalam temu bual eksklusif bersama Bernama baru-baru ini.

Beliau berkata, paling mengusarkan ialah kebanyakan kes membabitkan golongan B40, dan menurutnya antara faktor jenayah ini berlaku adalah kurang penyeliaan ibu bapa, selain akses mudah kepada bahan lucah di Internet.

Katanya dalam hal ini, ibu bapa perlu memainkan peranan mengawasi anak-anak serta perlu celik teknologi maklumat bagi mengawal penggunaan Internet untuk mengelak daripada anak-anak mereka melayari laman sesawang yang tidak sepatutnya.


Perubahan landskap komunikasi tanpa sempadan dan akses yang mudah memberi kesan ketara kepada golongan kanak-kanak sehinggalah boleh mengakses bahan-bahan terlarang tanpa kawalan dan akhirnya terjerumus dalam aktiviti yang tidak bermoral.

"Jika dulu bahan lucah sukar didapati, namun kini semuanya di hujung jari saja, semua bahan ini mudah untuk akses di telefon pintar tanpa mengira usia," katanya.

Shuhaily berkata, kecetekatan ilmu dan kawalan ibu bapa dalam memahami kod kandungan laman sesawang yang dilayari oleh anak-anak memberi kesan yang negatif terutamanya apabila mereka membenarkan anak-anak pada usia seawal lima tahun untuk mengakses Internet atas alasan untuk dijadikan bahan dalam pendidikan anak-anak.

Untuk mencegah masalah ini daripada menjadi barah dalam masyarakat, beliau berkata, polis tidak boleh bersendirian, sebaliknya ia memerlukan gandingan kerjasama semua pihak termasuk institusi keluarga, institusi pendidikan mahupun pembuat dasar untuk sama-sama menanganinya masalah ini.

"Dasar yang baik akan menzahirkan kelompok masyarakat yang baik," katanya.



# Ex-lorry attendant who raped, sodomised, murdered elderly woman to hang

V Anbalagan - 27 Feb 2024, 01:08 PM

Court of Appeal rules K Sathiaraj's conviction is safe and an appropriate case for the death sentence to be maintained.



*K Sathiaraj, who is serving a 13-year jail term for raping and assaulting an elderly woman, has seen his appeal from conviction for her murder dismissed. (Bernama pic)*

**PUTRAJAYA:** The Court of Appeal has maintained the death penalty imposed on a former lorry attendant for the murder of an 85-year-old grandmother whom he also raped and sodomised in her flat five years ago.

A three-member bench chaired by Justice Hadhariah Syed Ismail said there was no merit in 31-year-old K Sathiaraj's appeal.

"The conviction is safe and this is an appropriate case for the death sentence imposed by the High Court to be upheld," said Hadhariah, who sat with Justice Azman Abdullah and Justice SM Komathy Suppiah.

The death penalty was pronounced on Aug 26, 2022, after the High Court in Shah Alam ruled that Sathiaraj had failed to raise a reasonable doubt to the prosecution's case.

Justice Ab Karim Ab Rahman said the accused was fully aware of his actions and had intended to cause injury to the deceased and committed the act in a conscious state.

"The accused did not face any difficulties remembering and recounting the incident. The accused broke into the deceased's house to rob her before tying her hands and taping her mouth so that she could not scream.

"The accused also knew his intention for tying her hands. He also pleaded guilty to the offence of raping and sodomising the victim," the High Court judge said.

According to the facts of the case, Sathiaraj sexually assaulted the elderly woman prior to stealing a gold chain.

After fleeing from her home, he consciously sought help from his friend, N Hari Krishnan, to pawn the chain because he did not have an identity card.

As a result, the defence of intoxication, raised by Sathiaraj's lawyers, was dismissed.

Sathiaraj, who had a previous conviction for drug abuse, committed the offence on the woman at a flat at Jalan Tasik Tambahan 2, Ampang, between 11.40am and 1pm on Sept 19, 2019.

The post-mortem report revealed that the victim died of suffocation.

Sathiaraj was arrested at his sister's home in Puchong, Selangor, about a month later after police found his fingerprints at the crime scene.

He was sentenced by the Ampang magistrates' court to 13 years' jail and six strokes of the rotan after pleading guilty to raping and sodomising his victim.

Earlier today, court-assigned counsel Hasshahari Johari submitted that the trial judge had failed to consider the defence of insanity raised during the proceedings.

He also urged the bench to substitute the mandatory death sentence with a jail term.

Deputy public prosecutor Fairuz Johari pointed out that a doctor had prepared a report that Sathiaraj was fit to stand trial.

"The defence of insanity was not raised in the trial. We urge this court to maintain the sentence based on the facts of the case," he added.